

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Institut Pengurusan Kualiti
Sent: 24 Mac 2016 15:37
To: UUM - All Staff
Subject: JURUAUDIT BARU UUM BAKAL KOMITED BAGI PENGHASILAN PENDEKATAN 5S BERKESAN DAN ANUGERAH CEMERLANG PTJ/PP



Institut Pengurusan Kualiti
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia



24 MAC 2016/ 15 JAMADILAKHIR 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

JURUAUDIT BARU UUM BAKAL KOMITED BAGI PENGHASILAN PENDEKATAN 5S BERKESAN DAN ANUGERAH CEMERLANG PTJ/PP



IPQ ONLINE: Pada 23 Mac 2016 (Rabu), Institut Pengurusan Kualiti (IPQ) telah mengadakan Bengkel Persediaan Juruaudit Baru Bagi Pengauditan Amalan Persekitaran Berprestasi Beranugerah Kecemerlangan Universiti di Dewan Seminar C, Kompleks Konvesyen. Sebanyak 43 orang juruaudit baru yang terdiri dari kalangan penolong pendaftar pelbagai fakulti menghadiri bengkel ini.

Bengkel yang telah diadakan selama 1 hari ini, telah dikendalikan oleh Timbalan Pengerusi Bahagian Sistem Kecemerlangan Kualiti, Dr. Noor Hasmini Abd Ghani. Menurut beliau, dalam ucapan aluannya, bengkel sebegini perlu bagi melatih juruaudit baharu untuk mempelajari proses pengauditan seterusnya menjadi pelapis kepada juruaudit sedia ada. Tambah beliau lagi, bagi memastikan UUM terus cemerlang, penambahbaikan berasaskan kaizen amat penting dan perlu sentiasa dikekalkan oleh Jabatan Tanggungjawab (PTJ)/ Pusat Pengajian (PP) di UUM.

Sepanjang bengkel, semua juruaudit baru ini telah didedahkan dengan tuntas mengenai pelaksanaan proses pengauditan. Bagi pengauditan 5S, penilaian tahap kecekapan menggunakan menggunapakai kriteria Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S MPC UUM dengan Anugerah Kecemerlangan Universiti, semua juruaudit ini didedahkan dengan maklumat anugerah yang telah ditetapkan. Penilaian Amalan Persekitaran Berkualiti 5S pada tahun ini akan dijalankan pada 17-31 Mei 2016, manakala Audit Kecemerlangan Universiti akan dijalankan sekitar Mei-Jun 2016.

Penyerahan surat lantikan kepada juruaudit baru juga telah diadakan. IPQ berharap bengkel ini dapat memberi impak yang positif kepada semua peserta dalam melaksanakan tugas sebagai juruaudit, seterusnya dapat memantapkan Sistem Pengurusan Kualiti dalam merealisasikan visi universiti menjadi universiti pengurusan terkemuka.

Habis.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK,
KEDAH DARUL AMAN**

FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS

TEL. : 04 - 928 4675

FAKS :04 - 928 4660

E-MEL : ipq@uum.edu.my

<http://ipq.uum.edu.my>